



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

**ISTIADAT PEMBUKAAN
SIDANG DUN KALI PERTAMA
彭加勒岸州第十四届州议会开幕礼**

DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14
TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M





تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta mengambil kesempatan ini, mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga yang kehilangan mereka yang tersayang. Kepada rakyat Beta yang terselamat daripada musibah COVID-19, Beta menyeru agar bersyukur dan tingkatkan tahap kesabaran, terus istiqamah menghadapi ujian berganda yang sangat hebat ini, dan terus mematuhi tatacara operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Semoga Allah segera membebaskan kita daripada fenomena COVID-19 ini. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

**“Langkah segera kerajaan
Beta membelanjakan
sebanyak RM33.5 Juta pada
tahun 2020 dan RM18.7 Juta
pada tahun 2021 bagi
membantu rakyat yang
kemerosotan kewangan dan
terjejas ekonomi akibat
penutupan aktiviti ekonomi
sepanjang tempoh wabak
pandemik COVID-19 ini,
adalah tindakan yang tepat.”**



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta berharap pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Pembangunan Tok Bali dapat memastikan agenda untuk menjadikan Pelabuhan Tok Bali sebagai pelabuhan komersil dapat direalisasikan dan menjadi “catalyst” kepada pembangunan Negeri Kelantan. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“Inisiatif kerajaan untuk menangani masalah trafik di Jambatan Sultan Yahya Petra dan Bandar Kota Bharu, melalui pembinaan Jambatan Palekbang bukan sahaja menjadi jambatan penghubung antara jajahan Kota Bharu dan Tumpat, malah jambatan ini perlu mempunyai reka bentuk yang ikonik, menjadi mercu tanda kepada Negeri Kelantan.”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Pengkalan Chepa, Beta berharap dapat disiapkan seperti yang dijadualkan, pada Tahun 2024. Begitu juga projek-projek infrastruktur negeri yang lain seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) “Central Spine Road” (CSR), Lebuhraya Kota Bharu - Kuala Krai, Projek Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB), Lembangan Sungai Kelantan Dan Lembangan Sungai Golok Fasa Satu (1) dan lain-lain dapat diteruskan bagi mencapai objektif pembinaan terhasil. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta ingin menzahirkan rasa sukacita Beta dan merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berjaya mewujudkan pusat pengumpulan produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bagi medium untuk para usahawan memasarkan produk mereka. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta juga menghargai inisiatif kerajaan memperkenalkan Skim Cakna Hawa, Cakna Suri dan Jejak Amal COVID-19 yang diberikan kepada masyarakat yang terkesan dengan COVID-19. Beta ingin menyarankan agar golongan belia menggunakan Teknologi Berasaskan Internet (IOT) untuk menjana ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan baharu. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta yakin sektor pelancongan negeri akan kembali beransur pulih terutama sekali dengan usaha mewujudkan beberapa tarikan baharu pelancongan seperti Pembangunan Kampung Warisan di Kampung Laut dan Masjid Kampung Laut yang akan dikembalikan ke tapak asal yang akan disenaraikan sebagai salah satu tapak warisan negara.”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Aspek kebersihan hendaklah diberi perhatian oleh setiap lapisan masyarakat bagi meningkatkan mutu kebersihan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan pelancong. Lanjutan daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mewujudkan Zon Bersih, Indah dan Ceria di setiap jajahan. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“Beta meletakkan harapan agar Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pemerkasaan “Food Security” yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas di mana “Food Security” adalah Agenda Jelapang Makanan Negara bertujuan mengurangkan kebergantungan makanan yang diimport. Beta berharap langkah pemerkasaan ini akan berjalan seiring dengan pemerkasaan Pengurusan Sijil Halal, bertepatan dengan perintah Allah SWT yang mengkehendaki hamba-Nya mencari yang halal lagi baik bersesuaian dengan dasar negeri iaitu Merakyat Membangun Bersama Islam.”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Beta menyampaikan sekalung tahniah kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang berjaya mendapat taraf Kolej Universiti. Penarafan ini merupakan satu kejayaan besar kepada pendidikan yang menawarkan proses pemindahan ilmu, maklumat, keterampilan dan transformasi diri insan. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“Beta mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan dalam memberi perkhidmatan terbaik bagi memastikan wabak COVID-19 di negeri ini sentiasa dalam keadaan terkawal. Terima kasih juga kepada semua jabatan dan agensi negeri dan persekutuan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang menyalurkan bantuan bagi meringankan beban rakyat yang memang sangat terkesan dengan pandemik COVID-19.”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL
KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M



تیته ڤراسمین

Titah Perasmian

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V
AL-SULTAN KELANTAN

“ Marilah sama-sama kita meningkatkan pemahaman dan penghayatan ajaran agama dalam kehidupan harian, bertepatan dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Marilah kita memohon ke hadrat Allah SWT agar melindungi kita, mengangkat wabak COVID-19. Sama-sama kita mohon agar kita terus bersabar dan mendapat pertolongan Allah melalui amalan solat, bacaan Al-Quran, zikir, doa dan munajat. ”



ISTIADAT PEMBUKAAN SIDANG DUN KALI PERTAMA PENGGAL KE- 4 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2021

14 MUHARRAM 1443H/ 23 OGOS 2021M